

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 (37)

Tarikh : 4 Ogos 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 7/2023

PANDUAN BERKAITAN WAKTU SESUAI UNTUK MENJALANKAN PENILAIAN AKREDITASI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Melaksanakan penilaian akreditasi program pada waktu yang tepat adalah amat penting bagi PPT berstatus swaakreditasi. Pelaksanaan penilaian akreditasi program apabila program telah matang akan menghasilkan dapatan penilaian yang holistik dan *reliable*. Ia mencerminkan tahap kualiti sesuatu program dengan tepat.

3. Sehubungan itu, bagi membantu PPT berstatus swaakreditasi membuat perancangan yang tepat terhadap waktu untuk menjalankan proses penilaian akreditasi, berikut dilampirkan Panduan Berkaitan Takrifan Waktu Sesuai untuk Menjalankan Penilaian Akreditasi seperti di **Lampiran 1**.

4. PPT berstatus Swaakreditasi dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar pelaksanaan pengauditan di peringkat PPT dilaksanakan dengan wajar dan selanjutnya melancarkan proses pendaftaran program PPT berstatus swaakreditasi ke dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR). Ia juga dapat memastikan tarikh akreditasi program meliputi kohort pertama pelajar bergraduat.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
4. Ketua Eksekutif
Perbandaran Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
5. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
6. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR

8. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
10. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
11. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
13. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st – 3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
14. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK



PANDUAN BERKAITAN WAKTU SESUAI UNTUK MENJALANKAN PENILAIAN AKREDITASI OLEH PPT SWAAKREDITASI

PENDAHULUAN

1. Menerusi surat edaran Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) rujukan MQA.600-2/6/1 Jld. 3 (91) bertarikh 8 Mei 2017 kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berstatus swaakreditasi telah menyatakan bahawa PPT berstatus swaakreditasi bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan program yang akan/telah ditawarkan kepada MQA.
2. Untuk memastikan hasil pengendalian proses penilaian akreditasi sementara dan akreditasi penuh tercapai, adalah penting bagi PPT berstatus swaakreditasi (PPT swa) merancang waktu yang tepat untuk mengendalikan penilaian akreditasi serta mengemukakan permohonan penyenaian/pendaftaran program kepada MQA.
3. Panduan ini perlu dibaca bersama mana-mana dokumen berkaitan proses penyenaian program PPT swa yang dihasilkan oleh MQA. Panduan ini juga tidak merangkumi program di bawah seliaan badan profesional.

WAKTU SESUAI MENJALANKAN PENILAIAN AKREDITASI DAN PENGHANTARAN PERMOHONAN PENYENARAIAN/PENDAFTARAN PROGRAM

4. Permohonan pendaftaran Perakuan Akreditasi Sementara kepada MQA, hendaklah dibuat sebelum permohonan pengendalian program dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atau pihak berkuasa yang berkaitan.
5. Oleh itu, waktu yang bersesuaian untuk PPT berstatus swaakreditasi mengendalikan penilaian Akreditasi Sementara perlu mengambil kira keperluan PPT menghantar permohonan penilaian program kepada MQA iaitu **selewat-lewatnya enam bulan sebelum program dijangka mula ditawarkan.**
6. Berikut adalah waktu yang bersesuaian untuk PPT berstatus swaakreditasi mengendalikan penilaian Akreditasi Penuh¹.

¹ Surat Makluman MQA Bil. 15/2021 berkenaan dengan Permohonan Akreditasi Penuh Program Oleh Pemberi Pendidikan Tinggi Kepada Agensi Kelayakan Malaysia.

i. **Program secara Mod Kerja Kursus atau Mod Industri**

PPT berstatus swaakreditasi perlu mengendalikan penilaian Akreditasi Penuh program **semasa kohort pertama pelajar berada dalam semester akhir dalam tahun akhir pengajian**².

Untuk **program** yang menggunakan Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran secara **Work-based Learning (WBL)** dan/ atau mempunyai **komponen Latihan Industri/ Praktikum/ Klinik**, PPT perlu memastikan **tarikh lawatan penilaian Akreditasi Penuh program perlu dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menjalani sekurang-kurangnya 60% daripada Latihan Industri/ Komponen Industri** tersebut. Pengiraan dibuat berdasarkan kepada bilangan minggu pelajar berada di industri.

Untuk **program pascasiswazah** iaitu **Sarjana Tahap 7 MQF dan Kedoktoran Tahap 8 MQF**, PPT berstatus swaakreditasi perlu memastikan **tarikh audit penilaian Akreditasi Penuh program dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menyediakan draf akhir Kertas Projek**.

ii. **Program Pascasiswazah secara Mod Campuran dan Mod Penyelidikan**

PPT perlu mengendalikan **penilaian Akreditasi Penuh program Sarjana Tahap 7 MQF dan Kedoktoran Tahap 8 MQF setelah pelajar selesai menjalani viva voce bagi disertasi/ tesis**.

7. Oleh itu, waktu yang bersesuaian untuk PPT berstatus swaakreditasi mengemukakan permohonan pendaftaran Akreditasi Penuh kepada MQA iaitu **dalam tempoh enam bulan selepas program mendapat Akreditasi Penuh daripada Mesyuarat Senat**.
8. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

**AGENCI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
OGOS 2023**

² Ketetapan ini akan memansuhkan pernyataan di perenggan 3 surat PSA